

Johor, Selangor tumpuan awal or

B/H 13/12/2011 28

Konflik berlanjutan di Sulawesi, tuntutan ekonomi mendorong

Misteri Etnik

Azrul Affandi
Sobry Wartawan

Khairull Azry
Bidin Jurugambar



Siri kedua

TIDAK dapat dibuktikan dengan jelas bila orang Bugis mula datang ke Tanah Melayu. Lazimnya kedatangan awal mereka dirakamkan melalui kehadiran lima Bugis bersaudara berketurunan bangsawan. Namun, berdasarkan catatan Tome Pires dalam *Summa Oriental* disebutkan bahawa pelaut Bugis dan Makasar sudah mulai mengunjungi Melaka pada 1511.

Namun, jumlah mereka masih sedikit berbanding dengan bangsa lain. Selain itu dalam *Sejarah Melayu* juga disebutkan bahawa pada masa pemerintahan Sultan Mansur Syah berlaku penyerbuan ke atas Melaka oleh seorang yang dikatakan berasal dari Tanah Makasar, yang namanya sama ada Semerluki atau Samarluka.


Kemudian, diandaikan nama sebenarnya tokoh ini ialah Karaeng

dalam jumlah besar ke Tanah Melayu dijangka berlaku pada zaman kolonial Inggeris iaitu di suku akhir abad ke-19. Kedatangan mereka berterusan hingga sekarang. Meskipun jumlah populasi mereka tidak dapat diketahui dengan tepat, kehadiran mereka dapat dilihat majoritinya di dua negeri iaitu Johor dan Selangor," katanya.

Ada dua sebab utama yang mengaitkan penghijrahan orang Bugis ke Tanah Melayu iaitu kerana mereka tidak berasa sesuai dengan keadaan yang mereka hadapi di negeri sendiri, yang berkaitan dengan pelbagai masalah (peribadi, ekonomi dan lebih-lebih lagi masalah keamanan dan politik).

Sebab kedua pula ialah mereka meletakkan suatu harapan akan kehidupan yang lebih baik di negeri rantau. Faktor yang kedua ini berorientasikan ekonomi sesuai dengan ungkapan perantau Bugis – "Di sana susah, di sini senang, di sana kerja lebih susah, di sini untung lebih banyak, di sana tidak ada peluang untuk menambah harta, di sini kita boleh menjadi kaya".

Difahamkan, meskipun kemasukan orang Bugis banyak tertumpu di Selangor dan Johor, penempatan ke-



Rumah Tradisi Bugis 'Sao Mario' Wajok, S



*Kedatangan orang Bugis dalam j
dijangka berlaku pada zaman ko
akhir abad ke-19. Kedatangan n*

Sama Ri Luka iaitu Raja Bajau dari Luwuk yang barang kali merujuk kepada tokoh Karaeng Bayo yang disebut dalam tradisi mengenai pengasas Kerajaan Makasar, Goa.

Menurut pengkaji mengenai masyarakat Bugis di negara ini, Dr Rahilah Omar dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), kedatangan orang Bugis dan Makasar nampak lebih jelas pada abad ke-17 iaitu selepas kota Makasar jatuh ke tangan Belanda. Pada ketika itu sudah ada penempatan orang Bugis di Semenanjung Tanah Melayu.

“Pandangan ini bersandarkan kepada pendapat Andaya yang mengatakan bahawa orang Bugis dan Makasar sudah menetap di Klang pada 1678. Bahkan seorang bangsawan Makasar, Daeng Mangika terbabit dalam peperangan antara Johor dengan Jambi pada 1679.

“Pada 1703 ada 600 orang Bugis datang dari Selangor dan menetap di Kuala Linggi, Negeri Sembilan. Kewujudan orang Bugis dalam bilangan yang ramai di Selangor menimbulkan kebimbangan di pihak Belanda.

“Kemudian, pada awal abad ke-18, barulah datang keturunan bangsawan Bugis lima bersaudara, iaitu Daeng Parani, Daeng Manambun, Daeng Marewah, Daeng Celak dan Daeng Kemase. Dua lagi tokoh Bugis adik beradik iaitu Daeng Manommopok dan Daeng Mattimo yang berasal dari Soppeng juga memainkan peranan penting pada waktu itu dalam kancah politik Melayu.

“Di Perak, pada masa sama, ada pula seorang Bugis bernama Daeng Sulili. Sebahagian pendapat mengatakan mungkin dia ialah sepupu kepada Bugis Lima bersaudara. Pada akhir abad ke-18, diberitakan pula sekelompok Bugis berpindah dari kepulauan Riau dan pada 1783 mereka menetap di Linggi.

“Namun, kedatangan orang Bugis

tara lebih dapat dilihat di Johor kerana pergerakan masyarakat dari Sulawesi itu masih aktif hingga hari ini, malah kuat mengamalkan budaya dari daerah di Indonesia itu.

Merujuk kepada penghijrahan aktif masyarakat itu di Johor, ia dikatakan bermula pada awal abad ke-19, apabila negeri itu masih tidak mempunyai bilangan penduduk yang ramai. Kampung Melayu sangat sedikit jumlahnya, kebanyakannya terletak di kuala sungai manakala daerah pedalaman hanya hutan belantara tempat beberapa puak Orang Asli mengembara dan mengambil hasil hutan.

“Pada awal abad ke-19, di Muar tercatat kegiatan seorang Bugis yang dikenali dengan gelarannya Sulewatang, sedangkan di Batu Pahat pada waktu sama ada pula seorang Bugis yang berasal dari Wajok bernama Daeng Ahmad yang dikatakan sebagai pengasas Kampung Minyak Beku.

“Kawasan lain di Johor yang mula didatang oleh perantau Bugis pada abad ke-19 adalah daerah Kukup terutama di Kampung Chokoh, Kampung Permas Kelapa, Parit Semair, Serkat, Benut dan Pengerang. Di antara orang Bugis yang pertama datang ke kawasan Kukup adalah Ahmad Pasang, seorang Bugis dari Siak. Beliau digelar juga dengan nama ‘Orang Kaya Ringgit’.

“Beliau menjadi kaya kerana membawa kuli Jawa ke Kukup dengan perahunya sekitar 1870-an dan 1880-an. Beliau jugalah yang membawa kebanyakan orang Jawa dan menetap di Kampung Sungai Karang. Ahmad Pasang membuka Kampung Sungai Buntu (dalam mukim Ayer Masin sekarang) di Chokoh dan di Tanjung Pelepah, di seberang Sungai Pulai,” katanya mengenai penghijrahan masyarakat Bugis di Johor.

Tambahnya, Di Penerok ada se-

orang yang bernama Manteri Kacong yang diketahui sebagai orang pertama yang mendarat di Kuala Sungai Penerok dan membuka perkampungan di situ. Selain Manteri Kacong, bersama-samanya ialah Wak Ware, Wak Randing dan Wak Patekko yang juga berasal dari Wajok.

Sebenarnya, terlalu banyak untuk diuraikan mengenai kedatangan masyarakat Bugis pada abad ke-19 ke Johor menandakan bermulanya penempatan secara ketara masyarakat itu yang memberi impak kepada perkembangan mereka di selatan Semenanjung Malaysia itu.

Paling ramai yang berhijrah ke Johor ialah orang Bugis dari Wajok. Namun, Selain mereka ada juga sedikit pendatang dari Bone, antara lain kelompok yang dipimpin oleh Daeng Pasiddak. Mereka membuka Kampung Parit Bugis yang terletak di Senggarang.

Dari situ, orang Bone kemudian pergi menetap ke Parit Balak. Selain kelompok kecil orang Bone ada juga orang Bugis yang berasal dari daerah lain. Misalnya Wak Khatib Mahmud yang membuka Parit Wak Khatib dekat Ayer Baloi berasal dari Sidenreng.

Orang Bugis yang datang pada awal 1920-an, sebahagian masih datang ke wilayah Kukup, khasnya di kawasan tanah gambut di sepanjang Sungai Pulai, tetapi kemudian ramai di antara mereka berpindah ke Pulau Karimun dan ke Tanjung Batu (Pulau Kundur) untuk membuka kebun di sana, di samping ada juga yang berpindah ke Benut.

Justeru, dikatakan kebanyakan pendatang baru dari Sulawesi menetap di sepanjang pantai di utara Pontian, mulai dari Ayer Baloi sehingga ke Senggarang. Ada juga menetap di kampung yang dibuka (sa-

rang Bugis

8/29.
g ke Tanah Melayu



Sulawesi.

jumlah besar ke Tanah Melayu
kolonial Inggeris iaitu di suku
mereka berterusan hingga kini

Dr Rahilih Omar

Pengkaji masyarakat Bugis di UKM



KANAK-KANAK Bugis di Kampung Sungai Kual.

Sengketa, perang saudara punca hijrah

SEBAGAI masyarakat yang mempunyai kehandalan dalam ilmu pelayaran, masyarakat Bugis dapat bergerak ke seluruh pelosok rantau Asia Tenggara. Kedatangan masyarakat Bugis ke Johor atau Semenanjung Tanah Melayu kemudian menjadikan kawasan terbabit sebagai kawasan tumpuan perantauan mereka disebabkan oleh faktor dalaman dan luaran.

Faktor dalaman yang mempengaruhi punca penghijrahan orang Bugis ke luar ialah keadaan politik yang tidak stabil. Sebelum Belanda memasuki pedalaman tanah Bugis, wilayah itu sudah lama dalam keadaan kacau bilau. Tidak ada keamanan di tempat tinggal mereka menyebabkan kebanyakan kegiatan ekonomi mereka tidak dapat dijalankan.

Dalam kalangan bangsawan Bugis sesama sendiri sering kali terjadi sengketa kerana masing-masing menganggap dirinya lebih berhak mewarisi suatu kerajaan atau pemerintah. Keadaan seumpama ini menyebabkan banyak berlaku pertumpahan darah, perang saudara dan peperangan antara daerah.

Kemuncak permusuhan antara Gowa dengan Bone dan meningkatnya ketegangan antara Syarikat Hindia Timur Belanda (VOC) dengan Gowa telah menyebabkan terjadinya perang Makasar. Pergolakan politik akibat daripada Perang Makasar itu menjadi faktor pendorong penghijrahan orang Bugis ke luar dari Sulawesi Selatan.

Kedatangan Bugis ke Tanah Melayu juga disebabkan sifatnya yang suka mengembara atau merantau. Orang Bugis sejak berabad-abad terkenal mempunyai jiwa perantau.



Pahlawan Bugis, Radja Koningh.

Sifat seperti ini tergambar dalam karya agung sastera Bugis iaitu rangkaian cerita yang dikenal dengan nama *La Galigo* yang antara lain menggambarkan pengembaraan tokoh mitos Bugis, Sawerigading yang mengelilingi lautan dengan perahunya yang luar biasa, *Wakka Tanu WalinonoE*.

Sehubungan itu sekurang-kurangnya mulai abad ke-16, peranan orang Bugis dan Makasar dalam perdagangan maritim nusantara menjadi makin penting. Bahkan dalam masyarakat Bugis juga ada istilah yang dikenal dengan ma sompek yang berarti 'belayar' juga membawa makna merantau.

Selain itu, siri dalam masyarakat Bugis juga menjadi satu faktor pendorong berlakunya penghijrahan. Siri adalah unsur teras dalam setiap individu Bugis. Tidak ada satu nilai yang berharga untuk dibela dan dipertahankan di muka bumi ini selain daripada siri kerana siri adalah jiwa, harga diri dan martabat mereka.

Oleh itu, setiap masyarakat Bugis mesti mempunyai siri dalam dirinya supaya ia dapat meneruskan hidupnya sebagai manusia yang dipandang baik dan mulia.

Mattulada mengatakan – "Siri emi ri onroang ri lino" bermaksud, hanya untuk siri itu sajalah kita hidup di dunia. Ungkapan ini mengandung erti siri sebagai yang memberi identiti sosial dan martabat kepada seseorang. Siri juga membangkitkan semangat keberanian masyarakat Bugis terutama dalam kalangan kaum lelaki supaya tidak mudah mengenal istilah mundur atau menyerah kalah dalam mengatasi setiap cabaran.

"Semangat inilah membakar jati diri lelaki Bugis hingga menjadikan mereka pelayar yang handal dan berjaya mengembangkan kebudayaan maritim.

"Selain faktor dalaman itu, terdapat juga faktor luaran sebagai penarik dari Tanah Melayu itu sendiri, terutama sejak pertengahan abad ke-19, di mana kegiatan ekonomi giat dijalankan di Tanah Melayu.

"Pihak Inggeris memberikan peluang yang luas kepada sesiapa yang ingin membuka tanah. Bahkan pemerintah Johor juga menggalakkan kedatangan perantau nusantara untuk kemajuan kerajaan Johor," kata Rahillah.



GADIS masyarakat Bugis.

ma ada dibuka orang Melayu Riau atau orang Bugis) di sekitar pekan Benut dan Ayer Baloi.

Kedatangan perantau Bugis ke Johor banyak menjayakan pembangunan Johor. Peranan mereka sebagai peneroka hutan dan pembina penempatan luar bandar antara aspek

terpenting yang membentuk persejarahan negeri itu. Kebanyakan kampung yang mereka teroka biasanya dinamakan sempena nama peneroka itu sendiri seperti Parit Wak Jabir, Parit Daeng Masiga Parit Betak dan lain-lain. – Bersambung esok